

**MARGINALISASI ISLAM DI SELATAN THAILAND:  
ANALISIS TERHADAP DASAR PEMERINTAHAN THAILAND  
(SIAM) DAN ISU-ISU KONFLIK KE ATAS MASYARAKAT  
ISLAM PATANI**

***(THE MARGINALISATION OF ISLAM IN SOUTHERN THAILAND:  
ANALYSIS OF THAILAND'S (SIAM'S) GOVERNMENT POLICY AND  
CONFLICT ISSUES ON THE PATANI ISLAMIC COMMUNITY)***

Haslindawati Saari

---

**Abstrak**

Artikel ini memfokuskan tentang komuniti masyarakat Melayu Islam Patani sebagai golongan minoriti yang mengalami marginalisasi akibat tekanan dari pemerintah setempat, yang menghancurkan dan mendominasikan semangat nasionalismenya. Marginalisasi merupakan proses peminggiran yang melibatkan satu usaha membatasi peranan kelompok tertentu. Ini bermaksud, marginalisasi adalah proses pengabaian hak-hak yang seharusnya diperoleh oleh pihak-pihak yang dimarginalkan. Melalui dasar-dasar kerajaan seperti dasar *Thesapeban*, dianggap sebagai perintis kepada penindasan ke atas masyarakat Melayu Islam. Hal ini dimulai dengan penghapusan institusi raja-raja Melayu di tujuh buah negeri milik Patani. Perjanjian Bangkok yang dimenterai pada tahun 1909, secara jelas menyaksikan Patani berada di bawah jajahan Siam. Kemudian, dasar *Rathaniyom* yang diperkenalkan pula memulakan proses asimilasi melalui identiti dan budaya. Seterusnya, dasar *Nikhom Sang Kon Eng* pula dilihat sebagai usaha kerajaan Siam-Thai untuk mengurangkan jumlah majoriti masyarakat Melayu Islam di kawasan Selatan Thai. Penulisan artikel ini menggunakan kaedah kualitatif dengan merujuk sumber sekunder iaitu buku, jurnal, tesis, kertas persidangan dan kertas kerja yang diperoleh dari Perpustakaan Hamzah Sendut I (Universiti Sains Malaysia), Perpustakaan Hamzah Sendut II (Universiti Sains Malaysia), Perpustakaan Tunku Hamimah (Institut Pendidikan Sultan Abdul Halim) dan Perpustakaan Awam (Sungai Petani). Hasil kajian mendapati masyarakat Melayu Islam Patani ditindas dalam pelbagai aspek sama ada aspek politik, ekonomi dan sosial. Sejarah kekejaman pentadbir Siam-Thai yang menjalankan proses marginalisasi melalui pengasimilasian merupakan rancangan politik dan sosioekonomi kerajaan Siam-Thai ketika itu. Proses ini bertujuan mengukuhkan dasar politik 'Negara Thai Untuk Bangsa Thai'. Ketiga-tiga dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan Thailand bukan sahaja mengubah populasi penduduk Islam tetapi turut mengancam ekonomi dan pendapatan penduduk setempat. Keseimbangan demografi di kawasan Patani turut diubah apabila masyarakat Thai-Buddha digalakkan berpindah di sana. Dasar-dasar yang dilaksanakan diibaratkan sebagai virus yang disebar oleh kerajaan Siam (Thailand) untuk melumpuhkan imunisasi masyarakat Melayu Islam Patani. Walaupun masyarakat Melayu Patani terpaksa mengubahsuai diri mereka dengan mengikut perancangan kerajaan Siam-Thai tetapi hari ini, tidak sepenuhnya masyarakat ini berpakaian,

berbahasa dan berfikiran seperti Siam-Thai malah mereka tetap utuh dengan anutan agama Islam.

---

**Kata Kunci:** Marginalisasi, pengasimilasian, dasar *Thesapeban*, dasar *Rathaniyom*, dasar *Nikhom Sang Kon Eng*, minoriti, demografi, dasar Siamisasi

### **Abstrak**

---

*This article focuses on the Malay Muslim community of Patani as a minority group that experiences marginalisation as a result of oppression by the local ruler, which obliterated and dominated their spirit of nationalism. Marginalisation is an alienation process that involves an effort to restrict the roles of specific groups. This means marginalisation is a process of neglecting the rights that ought to be attained by the marginalised parties. Goverment policies such as the Thesapeban policy, are viewed as the beginning of oppression of the Malay Muslim community. This began with the abolishment of the institution of Malay kings in seven states that belong to the Patani. The Bangkok Treaty of 1909 clearly demonstrates that Patani are under the domain of Siam. Furthermore, the Rathaniyom policy which was introduced initiated the assimilation process through identity and culture. Moreover, the Nikhom Sang Kon En policy is seen as an attempt by the Siam-Thai government to diminish the number of Malay Muslim majority in Southern Thailand. This study uses a qualitative approach by referring to secondary sources which include books, journals, theses, conference papers and working papers acquired from the Hamzah Sendut Library I and Hamzah Sendut Library II (University of Science, Malaysia), Tunku Hamimah Library (Sultan Abdul Halim Teacher Training Institute) and the public library in Sungai Petani. Results of the study indicate that the Patani Malay Muslim community has been oppressed in a range of aspects including politics, economy and social. Records of brutality of the Siam-Thai administrators who implemented the marginalisation process through assimilation were the political and socioeconomic plan of the Siam-Thai government at the time. The process was intended to solidify the political policy of 'Thai For The Thai People'. All three policies that were implemented by the government of Thailand not only altered the Muslim population but also posed a threat to the economy and income of local residents. The demographic equilibrium in the Patani region was also unbalanced when Thai-Buddhist community was persuaded to migrate there. These implemented policies can be compared to a virus disseminated by the Thai government to paralyze the immunity of the Patani Malay Muslim community. Even though the Malay community of Patani had to adapt and obey the plans put in place by the Siam-Thai government, today they do not entirely dress, speak and think like their Siamese-Thai counterparts; they remain steadfast in Islam.*

---

**Keywords:** Assimilation, demography, marginalisation, Nikhom Sang Kon Eng policy, Rathaniyom policy, Siamisation policy, Thesapeban policy

### **PENGENALAN**

Marginalisasi merupakan proses peminggiran yang melibatkan satu usaha membatasi peranan kelompok tertentu. Hal ini bermaksud, marginalisasi adalah proses pengabaian hak-hak yang seharusnya diperoleh oleh pihak-pihak yang dimarginalkan atau melalui definisi yang lebih mudah iaitu, penganiayaan satu bangsa terhadap satu bangsa yang lain. Dasawarsa ini, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menyifatkan etnik Rohingya di Myanmar yang sememangnya beragama Islam sebagai minoriti paling teraniaya di dunia. Malah sekiranya dilihat kepada masyarakat Melayu Islam di Patani, Thailand, mereka dilihat turut berhadapan dengan situasi yang serupa. Malah, penderitaan mereka dilihat lebih lama dan berevolusi sehingga mereka kini sebagai golongan minoriti yang mengalami marginalisasi akibat tekanan dari pemerintah setempat, yang menghancurkan dan mendominasikan semangat nasionalismenya serta kemampuan masyarakat Islam yang terbatas (David Brown 1994).

Dari segi politik, mereka merupakan sebahagian dari Thailand yang menjadikan Buddha sebagai agama rasmi dan keadaan ini dianggap sebagai penjajahan dalam di Thailand (David Brown 1994). Siapakah masyarakat Melayu Islam Patani (Melayu Muslim atau Melayu Thai) di Selatan Thailand? Mereka adalah kumpulan masyarakat berbudaya Melayu (Nureeyah Saleh 1999), beragama Islam (Imtiyaz Yusuf 2009) dan membentuk kumpulan minoriti yang berjumlah kurang daripada 3 peratus daripada populasi penduduk Siam-Thai, namun membentuk lebih kurang 70 peratus populasi penduduk di empat wilayah Selatan Siam-Thai iaitu Narathiwat, Yala, Patani dan Satun (Setul) (Mohd Zamberi A. Malek 1994). Ini bermakna mereka adalah kumpulan minoriti di Thailand tetapi membentuk kumpulan terbesar di Selatan Thailand.

Dari segi sejarah, setelah ditakluk pada tahun 1785 dan dibahagi-bahagikan pada tahun 1816, negeri Patani kehilangan kedaulatannya secara pelahan-lahan. Kerajaan Siam-Thai sentiasa berusaha dari semasa ke semasa, melalui pelbagai cara, mengenakan cengkaman ke atas Patani. Kumpulan minoriti ini juga diasimilasikan (Ensiklopedia Global Edisi Mileminium 2001) dalam kebudayaan Siam-Thai dan keagamaan Buddha. Pertembungan budaya dan agama antara kelompok yang berbeza kadang kala menjadikan manusia amat sukar mencari kesepakatan. Keputusan untuk berkompromi mungkin tidak dapat dihasilkan kerana budaya dan agama telah menetapkan aturan tertentu yang wajib diikuti dan dihindari oleh penganutnya (Che Mohd Aziz Yaacob 2009). Justeru, perjuangan daripada masyarakat Melayu Islam Patani dan kewujudan gerakan pemisah hari ini berkait rapat dengan ungkapan yang dinyatakan di atas.

Bagi konteks perbincangan ini, para penulis berpegang teguh bahawa dasar Kerajaan Thailand yang menjadi punca utama kepada proses marginalisasi ke atas masyarakat Melayu Islam Patani. Perbincangan ini memfokuskan tiga dasar perluasan kuasa yang dilaksanakan oleh kerajaan Siam-Thai iaitu dasar *Thesapeban*, dasar *Rathaniyom* dan dasar *Nikhom Sang Kon Eng*. Ketiga-tiga dasar ini merupakan bukti penting berlaku proses peminggiran menerusi asimilasi terhadap Melayu Islam Patani. Kemudian, ruang lingkup perbincangan melihat sejauh mana dasar-dasar yang dilaksanakan mencetuskan isu-isu konflik sehingga menimbulkan gerakan kebangkitan rakyat di selatan negara ‘gajah putih’ ini.

## **DASAR PEMERINTAHAN SIAM-THAI**

Para pemerintah Siam-Thai terus menjalankan polisi peminggiran melalui dasar-dasarnya termasuklah proses asimilasi yang bertujuan untuk memadamkan identiti masyarakat Melayu Islam Patani. Para penulis mendapati penderitaan umat Islam Patani bermula sejak tahun 1782 lagi apabila kerajaan Siam-Thai berjaya menakluki Kesultanan Melayu Patani melalui beberapa siri peperangan. Bermula dari waktu tersebut, kerajaan Siam-Thai melaksanakan dasar ‘Pecah dan Perintah’ yang bertujuan untuk melemahkan kuasa pemimpin-pemimpin Melayu supaya mereka tidak bangkit memberontak.

### **Dasar *Thesapeban***

Pemecahan negeri merupakan salah satu usaha kerajaan Siam-Thai untuk memastikan proses pemusatan kuasa berjaya dibentuk memandangkan kuasa-kuasa Eropah ketika itu berlumba-lumba mencari kawasan jajahan di Asia Tenggara termasuk Patani. Kejayaan Perancis menakluki wilayah di Timur Sungai Mekong sudah memadai untuk kerajaan Siam-Thai merasa bimbang akan tanah jajahannya di bahagian selatan. Begitu juga dengan British yang aktif untuk menguasai wilayah Timur Laut Burma, Selatan China dan Negeri-negeri Melayu Utara sehingga Segenting Kra (Che Mohd Aziz Yaacob 2011). Benarkah dasar ini bertujuan untuk melindungi Siam-Thai dari kuasa-kuasa Barat semata-mata atau pelaksanaan dasar ini sebagai serampang dua mata?

Kawasan pergunungan dan perhutanan Patani adalah yang terkaya di Siam-Thai. Ianya menjadi sumber kepada 35 peratus keseluruhan eksport Siam-Thai. Kini masyarakat Melayu Islam Patani sedang berhadapan dengan polisi ‘pensiaman’ atau penghapusan identiti etnik melalui pelbagai dasar pentadbiran. Kobkua Suwannathat-Pian (1991) menjelaskan bahawa dasar *Thesapeban* bertujuan menguatkan kedaulatan dan keutuhan wilayah Siam-Thai serta melindunginya daripada

diceroboh oleh kuasa-kuasa Barat (Kobkua Suwannathat-Pian 1991). Che Mohd Aziz Yaacob (2011) pula berpandangan bahawa dasar *Thesapeban* yang diperkenalkan oleh Raja Chulalongkorn atau Rama V pada tahun 1897 sebagai merealisasikan dasar *decentralization* (Nik Anuar Nik Mahmud 1994). Menurut Ahmad Fathy al-Fatani, dasar *Thesapeban* bertujuan untuk mewujudkan integrasi kebangsaan dan mengukuhkan kedudukan wangsa Cakri. Bagi Mohd Zamberi A. Malik (2009) pula, jika dasar *Thesapeban* tidak dilaksanakan, pendapatan Siam-Thai tidak mencukupi kerana ianya merupakan bahan dan kuasa yang diperlukan untuk keutuhan negara (Mohd Zamberi A. Malek 1993).

Jelaslah bahawa dasar *Thesapeban* bukan sahaja mengukuhkan kedudukan politik pemerintah tetapi juga kedudukan ekonomi. Dasar ini menyaksikan berlakulah penghapusan secara langsung institusi raja-raja Melayu di tujuh buah negeri Patani dan menghapuskan identiti etnik secara halus pada tahun 1902. Penyusunan semula pentadbiran wilayah dan negeri di seluruh Siam-Thai bertujuan pengukuhkan pendapatan kerajaan melalui sistem percuakan di samping mengukuhkan kedaulatan Siam-Thai. Dasar ini menjadi perintis kepada isu-isu konflik yang masih bernanah sehingga ke hari ini dalam kehidupan masyarakat Islam Patani di Selatan Thailand (Ahmad Omar Chapakia 2000).

Siam-Thai bertindak membahagikan Patani kepada tujuh buah negeri kecil dan rajanya adalah “raja patung” yang memerintah di sebalik telunjuk dan arahan Pesuruhjaya Siam di Songkhla (Carool Kersten t.; Mohd Zamberi A. Malek 1993). Jika diamati, dasar *Thesapeban* menyerupai dasar pemerintahan British di Tanah Melayu iaitu melaksanakan pelantikan seorang Residen sehingga pemerintah tempatan kehilangan kuasa. Di Patani, selain pelantikan “raja patung”, kerajaan Islam ini juga perlu mengirim ufti taat setia kepada Siam-Thai bersama-sama dengan Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu (Ahmad Fathy al-Fatani 1994). Malah, kewujudan Kementerian Dalam Negeri pada tahun 1901 melalui ‘regulation’ yang juga disebut sebagai sistem “Boriwen Chet Hua-muang” (Ahmad Fathy al-Fatani 1994; Ahmad Omar Chapakia 2000) telah mengakibatkan hak rakyat Patani dihapuskan.

Konflik berterusan apabila British mengadakan Perjanjian Bangkok atau ‘*Anglo Siamese-Treaty*’ dengan kerajaan Siam-Thai pada tahun 1909 (Nor Azlah Sham Rambely 2011; Imtiyaz Yusuf 2006). Perjanjian pengesahan sempadan ini memberi kebebasan kepada kerajaan Siam-Thai untuk melakukan pelbagai perubahan ke atas negeri Patani tanpa campur tangan British. Bermula daripada saat tersebut, kerajaan Siam-Thai mula menyentuh soal-soal budaya, identiti, pendidikan dan agama dalam kehidupan masyarakat Melayu Islam Patani (Che Mohd Aziz Yaacob 2011). Memang benar, kerajaan Siam-Thai bukan sahaja menghapuskan kuasa golongan bangsawan tempatan bahkan turut mencampuri urusan agama Islam, pendidikan, budaya dan bahasa. Selepas kematian Chulalongkorn, tempat beliau digantikan oleh anaknya iaitu Vajiravudh (Rama VI). Beliau seperti ayahnya yang mendapat pendidikan Barat dan penganut fahaman kebangsaan Siam-Thai yang kuat, telah mengubah fahaman patriotisme Barat tentang ‘tuhan, raja dan negara’ kepada simbol tradisional Siam iaitu ‘bangsa, agama (Buddha Thraveda) dan raja’. Dengan ketiga-tiga simbol ini, Vajiravudh meneruskan usaha ayahnya dengan membentuk sebuah kemaharajaan Siam-Thai yang kuat dan bersatu (Ahmad Fathy al-Fatani 1994). Perubahan yang dibawa oleh Vajiravudh ini menambahkan lagi kebencian masyarakat Melayu Islam Patani kerajaan Bangkok.

### **Dasar *Rathaniyom***

*Rathaniyom* atau dasar intergasi nasional Siam-Thai mengandungi 12 dasar (Ahmad Omar Chapakia 2000). Ianya merupakan program untuk mengintergrasi pentadbiran, sosial, ekonomi, pendidikan dan kebudayaan dalam semua aspek penghidupan masyarakat Islam keturunan Melayu ke arah negara Thai yang berpusatkan Bangkok (Mohd Zamberi A. Malek 1993). Kesan daripada aspek asimilasi ini, Nik Anuar Nik Mahmud yang meminjam pernyataan W.A.R. Wood berkata bahawa orang-orang Melayu telah menjadi mangsa sebuah pemerintahan yang ‘misgoverned’ (Nik Anuar Nik Mahmud 1999). Mohd Zamberi A. Malek menjelaskan bahawa dasar yang diperkenalkan oleh Phibun Songgram ini menyentuh soal identiti dan budaya masyarakat Melayu Islam Patani. Dasar

ini membawa maksud hanya ciri-ciri kebudayaan Siam-Thai sahaja dibenarkan berkembang di Thailand. Justeru, tidak hairanlah kekacauan sering berlaku di Selatan Thailand sekitar 1910 hingga 1923. Kesengsaraan masyarakat Melayu Islam Patani akibat dasar perluasan kuasa Thailand semakin meruncing apabila pemerintah Siam-Thai memperkenalkan dasar *Rathaniyom* pada tahun 1938.

Sejauh manakah dasar ini mampu memberi impak yang besar kepada masyarakat Patani? Dasar Phibun telah mengumumkan tujuh dikri atau arahan bersifat perundangan (Nik Anuar Nik Mahmud 1999). Tujuh dikri tersebut adalah mengenai cara untuk menanamkan semangat cintakan negara. Sejak dengan semangat tersebut, nama Siam ditukarkan kepada Thailand. Bersesuaian dengan perkembangan yang dilaksanakan, kerajaan Thailand juga mengawal kehidupan beragama para penduduk di Selatan Thailand. Hakikatnya, Phibun memaksa semua rakyat Thailand bersatu mencapai konsep satu negara satu bangsa iaitu ‘Negara Thai Untuk Bangsa Thai’. Dengan demikian, pada tahun 1940, satu dewan budaya Thai yang dikenali sebagai *Seja Watana Tam* ditubuhkan (Che Mohd Azizi Yaacob 2012).

Dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan Thailand mampu memanjangkan lagi kesengsaraan masyarakat Melayu Islam di Selatan Thailand dan menyemarakkan amarah golongan pemisah. Bukti, kemunculan Haji Sulong Bin Abdul Kadir yang menubuhkan *al-Hai’ah al-Tanfiziah li al-Ahkam al-Shari’iyah* (Lembaga Pelaksana Hukum Shari’ah) (Wira Tahe 2010). Pertubuhan ini bertujuan menyekat ancaman kerajaan Thailand yang hendak ‘mensiamkan’ orang Melayu Islam Patani dan mempertahankan kesucian agama Islam daripada dicabul oleh cita-cita Pan Thai atau Thai Raya gaya Phibun (Ahmad Fathy al-Fatani 1994). Malah, dipercayai pertubuhan ini berjaya mengumpul para ulama di Patani dan bekerjasama mengadakan aktiviti untuk mempertahankan kesucian agama Islam. Antara usaha yang dilaksana ialah mengemukakan 7 tuntutan untuk mengembalikan keamanan di negeri Patani (Ahmad Fathy al-Fatani 1994). Pada pandangan penulis, dasar *Rathaniyom* adalah kemuncak kepada proses marginalisasi melalui polisi menekan dan asimilasi yang bertujuan memadamkan identiti Melayu Islam Patani.

### ***Dasar Nikhom Sang Kon Eng***

Sikap Bangkok yang menganaktirikan masyarakat Melayu Islam Patani dalam arus pembangunan negara jelas dilihat apabila kerajaan Thailand memperkenalkan dasar *Nikhom Sang Kon Eng* yang bermaksud “Rancangan Keluarga Setia” semasa pemerintahan Field Marshall Thanom Kittikachon (Mohd Zamberi A. Malek 1994). Dasar ini membenarkan pemindahan seramai 15,000 orang keluarga Thai-Buddha dari wilayah-wilayah bahagian utara, timur dan barat negara Thailand ketiga wilayah yakni Narathiwat, Yala dan Patani. Mereka yang berpindah ini terdiri daripada bekas polis dan tentera yang diberikan pelbagai kemudahan asas di penempatan baru mereka. Malah, mereka juga diberi tanah secara percuma untuk dimajukan. Selain itu, kerajaan Thailand juga bertindak menempatkan seramai 250,000 keluarga dalam 7 skim *Nikhom* yang terdapat di tiga wilayah (Mohd Zamberi A. Malek 1994).

Lebih malang lagi, kerajaan Thailand turut mengambil tanah-tanah milik masyarakat Patani untuk dijadikan tanah rancangan dengan alasan bagi membangunkan ekonomi dan sumber pendapatan penduduk tempatan. Tindakan tersebut merupakan cubaan untuk mengurangkan jumlah majoriti masyarakat Melayu Islam di tiga wilayah dan mengintegrasikan budaya kedua-dua kelompok agar saling memahami antara satu sama lain. Ini bermaksud, penghijrahan penduduk Thai-Buddha mampu memecahkan kepadatan penduduk Islam di Selatan Thai dan dengan mencampuradukkan pengalaman budaya, kerajaan Thailand berharap dapat mengurangkan penentangan daripada masyarakat Melayu Islam Patani (Mohd Zamberi A. Malek 1994).

Pelaksanaan dasar yang menjerut masyarakat Melayu Islam Patani pada zaman Chulalongkorn dan mengetat pada zaman Phibun, jelas menunjukkan kesungguhan pihak pemerintah Siam-Thai menghapuskan identiti masyarakat di Selatan Thailand tersebut. Ramai pengkaji yang menganggap dasar-dasar kerajaan yang dilaksanakan telah mewujudkan pelbagai isu konflik sehingga membangkitkan semangat menentang pemerintahan kerajaan Thailand yang kekal hingga ke hari ini.

## ISU-ISU KONFLIK PENENTANGAN DI SELATAN THAILAND

Keinginan masyarakat Melayu Islam untuk bebas daripada kekuasaan Siam-Thai sudah lama berlaku. Konflik di Selatan Thailand diperjelaskan oleh Reangyo Chankhiri bahawa faktor utama yang mendorong tercetusnya krisis berpanjangan antara penganut di Selatan Thai sejak era pemerintahan Rattana Kosin sehingga kuasa rejim Phibun Songgram adalah berpunca daripada sistem pemerintahan kerajaan itu sendiri yang gagal dalam usaha untuk menghapuskan etnik tempatan Melayu Islam di Selatan Thai. Menurut Phaithur Dassaey pula, dasar Thai *Rathaniyom* zaman pemerintahan Phibun Songgram memperlihatkan situasi yang tidak ingin melihat sesuatu kaum minoriti mengamalkan satu budaya setempat yang jauh berbeza dengan pengamalan kaum majoriti (Buddha). Phibun hanya ingin menjadikan Thailand sebuah negara rasis yang mengamalkan satu budaya sahaja. Pada pendapat Phaithur Dassaey, tindakan Phibun membuatkan keputusan yang salah kerana ia akan menyebabkan mundurnya sesebuah negara sekiranya teori itu dilaksanakan (Mutsalim Khareng, Jaffary Awang et.al. 2013). Oleh itu, pelaksanaan kepelbagaiannya dasar pemerintahan kerajaan Siam-Thai ini memberikan satu igauan buruk bagi masyarakat Melayu Islam Patani di Selatan Thailand.

### Politik dan Kemerdekaan

Perkembangan politik di Selatan Thailand dibelenggu oleh tindakan seperti penindasan, diskriminasi, pembunuhan dan rasuah. Masyarakat Melayu Islam dianggap sebagai bangsa kelas kedua dan berlaku pengabaian yang ketara dalam politik sejak terbentuknya Thailand. Kenyataan ini memang ada kebenarannya. Sejak pemerintahan Chulalongkorn melancarkan dasar *Thesapeban*, menampakkan jurang politik yang ketara bagi masyarakat Melayu Islam di Selatan Thailand. Sejak tahun 1898, berlaku penyusunan semula sistem pentadbiran wilayah dan tahun 1902 pula, memperlihatkan segala urusan pentadbiran dalam pemerintahan negeri Melayu Patani dipusatkan di Bangkok. Raja-raja Melayu satu persatu digantikan dengan Gabenor Siam yang dilantik daripada perkhidmatan awam kebangsaan. Malahan, tahun 1909 tercipta pula perjanjian yang menetapkan sempadan antara dua kuasa penjajah, yakni Siam-Thai dan British. Perjanjian sempadan berkenaan menjadikan Patani sebahagian daripada wilayah Siam-Thai (Mohd Zamberi A. Malek 1994). Sekiranya dilihat berdasarkan kepada sejarah lama, memperlihatkan bahawa orang Siam-Thai tidak sebulu dengan masyarakat Melayu Islam Patani. Oleh demikian, masyarakat di selatan Siam-Thai ini menganggap perubahan yang dilakukan sebagai satu penjajahan ke atas negeri dan bangsa mereka. Hal ini ada kebenarannya kerana pegawai Siam-Thai yang dilantik tidak mengetahui bahasa dan adat orang tempatan. Tindakan mereka seringkali menyinggung perasan masyarakat Melayu dan hal ini merenggangkan hubungan antara mereka (Nik Anuar Nik Mahmud 1999). Natijahnya, pembangunan sosial dan ekonomi di Patani terabai. Hal ini mencetuskan kemarahan penduduk terhadap kerajaan Siam-Thai.

Penentangan terhadap penjajahan Siam-Thai terus melonjak sejak 1902 lagi dengan tindakan kerajaan memansuhkan jawatan Sultan Patani. Begitulah yang dinyatakan oleh Nik Anuar Nik Mahmud dalam bukunya:

*“Tabun masehi 1902 adalah tahun yang malang sekali di dalam sejarah kejatuhan kerajaan Melayu Patani. Dengan kejatuhan ini, maka terhapus hak pertuanan orang-orang Melayu atas negeri Patani, tergadai semua hak kebebasan dan kemerdekaan mereka kepada Raja Siam”*  
(Nik Anuar Nik Mahmud 1999; Ibrahim Syukri 2002)

Malah, penangkapan kelas bangsawan Melayu Patani yang didakwa terlibat dengan pengkhianatan turut menjadi agenda pentadbiran Thai. Kononnya, golongan ini melakukan cubaan untuk memberontak (Mohd Zamberi A. Malek 1993). Tuntutan kemerdekaan berlaku disebabkan tindakan kerajaan Siam-Thai menjajah Patani yang dahulunya dimiliki Kesultanan Melayu Islam Patani. Perjuangan bermula dengan semangat nasionalisme yang tinggi. Bahkan kemerdekaan yang dimaksudkan di sini adalah dalam konteks yang lebih luas lagi. Perjuangan penduduk di Selatan Thailand hari ini bukan setakat kemerdekaan tiga wilayah iaitu Patani, Narathiwat dan Yala tetapi

juga merangkumi kebebasan pengamalan identiti, budaya, ekonomi, pendidikan dan agama sebagai kumpulan minoriti (Che Mohd Aziz Yaacob 2009).

Penentangan terhadap dasar-dasar politik kerajaan Thailand telah memberi kesan negatif kepada budaya dan identiti masyarakat Melayu Islam Patani. Perjuangan masyarakat yang tertindas ini bangun mendapatkan hak politik di Patani yang dianggap mengancam pendorongan kuasa selama ini di Patani. Isu politik dan kemerdekaan. Sememangnya dominan dalam menggerakkan konflik yang berpanjangan hingga ke hari ini. Hakikat ini diakui sendiri oleh Surin Pitsuwan yang menyatakan bahawa dari segi budaya, Melayu Muslim di Selatan Thailand adalah hak kepunyaannya dunia Melayu, cuma dari segi politik, mereka sebahagian daripada bangsa Siam-Thai yang berteraskan kepada agama Buddha (Surin Pitsuwan 1982). Justeru, rancangan asimilasi pada tanggapan Phibun Songgram yang mencetuskan dasar *Rathanijom* bagi mengatasi masalah pemberontakan ternyata meleset. Pegangan dan kepercayaan yang kuat masyarakat Melayu Islam Patani terhadap budaya dan identiti mereka, telah bertindakbalas dengan perjuangan yang tiada berkesudahan (Surin Pitsuwan 1982).

## **Ekonomi**

Dasar-dasar kerajaan dari aspek ekonomi memperlihatkan kepada kita bahawa pentadbir Patani tiada lagi kuasa untuk mengutip cukai dan hasil eksport Patani dikuasai kerajaan yang berpusat di Bangkok (Mohd Zamberi A. Malek 1993). Pendapatan rendah dan jumlah keluarga yang miskin merupakan isu penting yang menjadi faktor meletusnya konflik masyarakat Selatan Thailand. Sumber semula jadi di wilayah-wilayah selatan tidak diurus dengan baik oleh kerajaan Thai. Malahan, tindakan pemerintah Thai memindahkan orang Thai-Buddha dari Utara dan Timur Laut Thailand untuk tinggal bermukim di wilayah-wilayah Selatan terutamanya wilayah Patani, Narathiwat dan Yala, mengundang ketidakseimbangan ekonomi di Selatan Thai dan memberi tekanan kepada masyarakat setempat (Che Mohd Aziz Yaacob 2011).

Selain kehilangan peluang pekerjaan, kaum Thai-Buddha turut menguasai kebanyakan projek perindustrian, perladangan dan perikanan dan masyarakat Melayu pula tidak mampu bersaing terpaksa menjalankan perusahaan secara kecil-kecilan sahaja (Wan Kadir Che Man 1990). Malah, hasil yang diperoleh melalui penerokaan sumber-sumber alam di wilayah Patani tidak disalurkan untuk pembangunan Patani sebaliknya hasil tersebut dihantar terus kepada pantadbiran pusat untuk pembangunan wilayah lain (Che Mohd Aziz Yaacob 2011).

Pembelotan yang dilakukan oleh kerajaan Siam-Thai mewujudkan kemelut konflik yang berpanjangan terutamanya di tiga wilayah yang kini dikenali sebagai Patani, Narathiwat dan Yala. Sememangnya, jurang ekonomi antara kaum jelas ketara dan sikap Bangkok menganaktirikan masyarakat Melayu Islam dalam arus pemodenan negara amat jelas sekali. Masyarakat ini terus mundur dan terpinggir dengan tumpuan ekonominya hanya tertumpu pada aspek pertanian dan sebilangan kecil terlibat dalam aktiviti perniagaan serta bekerja sebagai kakitangan kerajaan (Mohd Zamberi A. Malek 1993).

Dasar-dasar kerajaan yang dilaksanakan berupaya meruntuhkan sebuah ketamadunan Melayu Islam di kawasan selatan tetapi tidak kepada jati diri masyarakat berkenaan. Jurang ekonomi turut dikaitkan dengan isu kependudukan. Menurut Ahmad Fathy al-Fatani, melalui bancian kependudukan, berlaku penurunan jumlah penduduk Muslim di Patani. Dasar kerajaan melalui *Nikhom Sang Tong Eng* berupaya memecah dan mengurangkan jumlah minoriti masyarakat Melayu Islam di Patani (Ahmad Fathy al-Fatani 1994). Tanggapan pemerintah Siam-Thai melalui mencampuradukkan pengalaman budaya berupaya mengendurkan penentangan di Selatan Thailand sememangnya sukar diukur.

## **Identiti dan Budaya**

Isu identiti dan budaya ini wujud apabila kerajaan Siam-Thai melaksanakan dasar berbentuk asimilasi iaitu dasar *Rathanijom* yang akhirnya membawa kepada pergolakan yang semakin rumit Che Mohd Aziz Yaacob 2011). Arong Suthasat mengungkapkan,

*"akar konflik yang terjadi di empat provinsi (Melayu) itu adalah perbedaan kebudayaan dan rasa benci antara yang memerintah dan yang diperintah"* (Surin Pitsuwan 1982)

Surin Pitsuwan pula menyatakan Muslim Patani di Selatan Thailand, tidak menginginkan diasimilasikan ke dalam negara Thai. Jika konsep asimilasi tersebut merupakan tindakan manisfestasi dari kosmologi Buddha, Melayu Muslim-Patani tidak ingin menjadi bahagian daripada tujuan manisfestasi tersebut. Penyataan ini turut disokong oleh Azhar Ahmad dan Jayum Jawan yang mengakui bahawa isu latar identiti turut menjadi punca penentangan gerakan pemisah hari ini (Azhar Ahmad & Jayum Jawan 2012). Hakikatnya, pemerintah Siam-Thai menganggap pelaksanaan dasar *Rathanijom* sebagai sesuatu yang ideal tetapi bagi masyarakat Melayu Islam Patani, ianya sebagai satu peminggiran ke atas kaum minoriti. Oleh itu, tidak hairanlah wujud pertentangan dua budaya yang berbeza yang akhirnya membawa kepada konflik berpanjangan.

Dasar perluasan kuasa yang dilaksanakan oleh kerajaan Siam-Thai dengan memaksa mengamalkan identiti dan budaya Thai-Buddha ini bercanggah dengan ajaran Islam dan budaya Melayu termasuk bahasa (Mohd Zamberi A. Malek 1994). Tindakan kerajaan Thai dilihat tidak menghormati nilai dan tatacara kehidupan masyarakat di Selatan Thailand yang sebenar. Hal ini menjadi isu penting kepada pergolakan yang berlaku atas mempertahankan hak-hak sebagai Melayu Islam.

Sejarah asimilasi ini berterusan sehingga kepada pemerintah Siam-Thai yang seterusnya. Melalui dasar *Rathanijom* ini, bahasa dan budaya Melayu dihapuskan secara tersembunyi, hukum perkahwinan dan faraid diketepikan, pakaian Melayu diharamkan dan nama pengenalan diri bagi individu Melayu dilarang sama sekali. Semua elemen berkenaan ditukarkan kepada konsep Siam (Mohd Zamberi A. Malek 1994; Ahmad Fathy al-Fatani 1994). Situasi sedemikian mewujudkan isu-isu konflik yang membangkitkan penentangan kaum minoriti terhadap kerajaan Thailand. Bagi masyarakat selatan Thai, mereka mahu melihat orang Melayu sinonim dengan Islam. Apabila seseorang digelar sebagai Melayu maka ianya merujuk kepada agama Islam, manakala seseorang disebut Thai maka ianya merujuk kepada agama Buddha. Penulis bersetuju dengan pandangan Ibrahim Syukri bahawa dasar mensiamkan orang-orang Melayu Islam di Patani belum berjaya (Ibrahim Syukri 2002). Kekuatan batin mereka berupaya menahan penindasan daripada kerajaan Siam-Thai dan sekaligus memelihara adat dan agama mereka.

## **Pendidikan**

Kerajaan Thailand mengambil pelbagai tindakan untuk ‘mensiamkan’ masyarakat Melayu Islam Patani (Peter Chalk 2008). Antaranya, pendidikan dijadikan agen penting kepada proses asimilasi kebudayaan Siam-Thai di Patani. Pendidikan nasional selalu menjadi alat penting yang digunakan oleh pemerintah Siam-Thai untuk tercapai integrasi nasional. Oleh itu, Akta Pelajaran 1921 memulakan isu yang berkaitan dengan pendidikan di tiga wilayah Selatan Siam-Thai. Kerajaan beranggapan bahawa taraf pendidikan sekular masih ditahap yang rendah dan ianya perlu dipertingkatkan melalui intergrasi nasional. Usaha serampang dua mata ini dilaksanakan apabila kerajaan telah mengambil guru-guru bahasa Thai untuk mengajar di pondok serta mewajibkan pihak pengurusan sekolah pondok mengikuti sukanan pelajaran kebangsaan (Farid Mat Zain 1998). Kerajaan Thai juga memujuk guru agama melawat Bangkok untuk mempelajari dan mengikuti garis panduan sukanan pelajaran kebangsaan di samping menawarkan hadiah kepada organisasi pondok yang memberangkan bahasa Thai diajar di sekolah pondok mereka (Ahmad Fathy al-Fatani 1994). Pada pandangan penduduk tempatan, dasar ini merupakan proses atau amalan yang bersifat perkauman. Kesan daripada tindakan mengantikan guru agama dengan guru Thai-Buddha, maka penulis melihat wujudnya perubahan dalam perjuangan menentang kerajaan Siam-Thai. Pada

pengamatan penulis, peringkat awal nasionalisme Patani dipimpin oleh golongan agama yang menjadi pemimpin masyarakat, pembela masyarakat Islam dan penggerak identiti Melayu. Masyarakat Melayu Patani terus mempertahankan hak kedaulatan mereka walaupun penghapusan buta huruf bahasa (Carool Kersten 2004) Siam-Thai dilakukan secara besar-besaran (Mohd Zamberi A. Malek 1994). Terdahulu, kajian yang sedia ada menunjukkan tidak semua perkara yang diusahakan oleh pemerintah Siam-Thai membawa hasil yang memuaskan selepas empat puluh tahun pelaksanaannya. Akta yang diperkenalkan tidak mampu mempengaruhi masyarakat Melayu Islam Patani yang menganggap ianya sebagai suatu program asimilasi masyarakat di Selatan Thai ke dalam budaya Thai. Oleh demikian, anak-anak Melayu Islam diantar belajar di pondok-pondok tradisional. Peminggiran berterusan apabila Sarit Thanarat melancarkan “Program Pembaikan Pendidikan Pondok” pada tahun 1961 (Ahmad Fathy al-Fatani 1994). Perkembangan ini tidak menyenangkan penduduk di Selatan Thai dan mereka mencurigai niat pemerintah Siam-Thai. Sememangnya, kecurigaan ini berasas kerana pertamanya, ketetapan yang diwujudkan berupaya menghapuskan penggunaan bahasa Melayu yang menjadi bahasa pengantar sebahagian besar mata pelajaran agama di sekolah-sekolah pondok dan keduanya, tiada lagi sekolah-sekolah pondok yang baru. Dengan demikian, transformasi pondok menjadi “Sekolah Swasta Untuk Pendidikan Islam” yang dahulunya dilakukan secara sukarela kini menjadi wajib dan bahasa Melayu digantikan dengan bahasa Thai malah kurikulum keagamaan disesuaikan dengan kurikulum sekular yang baru (Ahmad Fathy al-Fatani 1994). Masyarakat Melayu Islam sedar bahawa sekiranya anak-anak mereka tidak mempelajari tulisan jawi, maka mereka tidak akan mempelajari Islam. Penulis merasakan perubahan yang dilakukan oleh pemerintah Siam-Thai lebih terarah kepada pengikisan identiti budaya bangsa Melayu Islam Patani. Sememangnya isu pendidikan memainkan peranan penting dan isu ini sentiasa berada dekat dengan masyarakat di Selatan Thailand.

Didapati masyarakat di Selatan Thailand hari ini tidak ramai yang fasih berbahasa Melayu. Hal ini demikian kerana proses pemunggiran menerusi asimilasi kebudayaan Thai yang dilaksanakan melalui pendidikan secara berterusan boleh dianggap berjaya walaupun kesannya tidak secara menyeluruh. Kesedaran tentang pencabulan yang dilakukan oleh kerajaan Siam-Thai terhadap masyarakat Melayu Islam keseluruhannya, ianya menjadi teras utama tuntutan hak masyarakat Melayu Islam di Selatan Thailand ke hari ini.

## **Agama**

Polisi *Rathaniyom* merupakan detik penting campur tangan kerajaan Siam-Thai dalam urusan agama Islam. Undang-undang agama Islam dihapuskan dan digantikan dengan undang-undang sivil. Sebarang usaha yang menunjukkan ke arah pembangunan Islam ditentang, patung-patung Buddha diletakkan di sekolah-sekolah, jawatan Qadhi dimansuhkan dan undang-undang keluarga serta pembahagian pesaka (faraidh) dibubarkan (Mohd Zamberi A. Malek 1994; Ahmad Fathy al-Fatani 1994). Penduduk Islam Patani juga dipaksa menggunakan nama Siam, mempelajari dan bercakap dalam bahasa Siam, tidak dibenarkan mempelajari al-Quran dan wanita Islam pula tidak dibenarkan memakai hijab (Ahmad Fathy al-Fatani 1994). Malah, ramai umat Islam Patani diseksa malah dibunuhan kerana enggan mengikuti dasar yang dilaksanakan.

Dasar ini mengingatkan penulis tentang polisi ‘genocide’ tetapi sukar untuk kita mengesahkan kebenarannya. Semasa pemerintahan Pridi Phanomyong, walaupun terdapat kelonggaran melaksanakan hukum-hukum Islam dan penubuhan *Cularajmontri* (lembaga tertinggi agama Islam di Thailand) tetapi masyarakat Islam masih tidak puas hati. Ini kerana, pihak kerajaan masih lagi memiliki kuasa menentukan peranan ulama dalam setiap urusan agama dan sentiasa berusaha untuk melakukan penyesuaian dengan mencampur adukkan antara ajaran Buddha dengan ajaran Islam.

## **KESIMPULAN**

Proses marginalisasi atau pemunggiran di Selatan Thailand berpunca daripada dasar-dasar kerajaan Thailand yang mencengkam masyarakat Melayu Islam. Kumpulan minoriti ini diancam dengan pelbagai penindasan dalam aspek politik, ekonomi dan sosial. Penderitaan masyarakat Melayu Islam

yang pertama bermula pada tahun 1782 apabila pemerintah Siam-Thai mulai menguasai Patani dan melaksanakan pentadbiran moden. Kemudiannya, sejarah kekejaman ke atas masyarakat minoriti di kawasan selatan bermula apabila pentadbir Siam-Thai menjalankan proses marginalisasi melalui pengasimilasian yang berterusan hingga ke hari ini. Matlamat utama rancangan politik dan sosioekonomi kerajaan Siam-Thai ketika itu bertujuan mengukuhkan dasar politik ‘Negara Thai Untuk Bangsa Thai’.

Melalui dasar-dasar kerajaan seperti dasar *Thesapeban*, dianggap sebagai perintis kepada penindasan ke atas masyarakat Melayu Islam. Hal ini dimulai dengan penghapusan institusi raja-raja Melayu di tujuh buah negeri milik Patani. Kemudian, Perjanjian Bangkok dimerentari pada tahun 1909 yang secara jelasnya Patani berada di bawah jajahan Siam. Kemudian, dasar *Rathaniyom* yang diperkenalkan pula memulakan proses asimilasi melalui identiti dan budaya. Dasar cetusan Phibun Songram ini menekan masyarakat Melayu Islam Patani dengan mencabul kebebasan pengamalan identiti, budaya, ekonomi, pendidikan dan agama sebagai kumpulan minoriti. Seterusnya, dasar *Nikhom Sang Kon Eng* pula dilihat sebagai usaha kerajaan Siam-Thai untuk mengurangkan jumlah majoriti masyarakat Melayu Islam di kawasan Selatan Thai. Dasar ini bukan sahaja mengubah populasi penduduk Islam tetapi turut mengancam ekonomi dan pendapatan penduduk setempat.

Selama bertahun-tahun para pemerintah Siam-Thai melakukan penindasan, kekejaman dan pembunuhan beramai-ramai ke atas umat Islam Patani. Sebaliknya, kewujudan dasar-dasar kerajaan dilihat mengukuhkan kedudukan wangsa Cakri dan mewujudkan integrasi kebangsaan. Polisi asimilasi yang dilaksanakan oleh Siam-Thai pula dapat dilihat dan dirasai dalam setiap aspek kehidupan. Sebahagian similasi ini, kesimbangan demografi di kawasan Patani turut diubah apabila masyarakat Thai-Buddha digalakkan berpindah di sana. Hingga hari ini, tempat perlindungan pejuang kebebasan Patani telah diruntuhkan oleh kerajaan Thailand dan ratusan rakyat Patani yang tidak bersalah diseksa serta dibunuh. Kematian ulama Patani juga dicurigai dan kehilangan yang tidak berkesudahan telah mernjadi darah daging kehidupan masyarakat Melayu Islam Patani. Perjuangan umat Islam Patani bagi mendapatkan kemerdekaan mutlak, yang sedang mengalami penderitaan melalui tiga dasar pemerintahan yang terdahulu, berterusan sehingga ke hari ini (Ahmad Omar Chapakia 2000).

Ketiga-tiga dasar ini diibaratkan sebagai virus yang disebar oleh kerajaan Siam (Thailand) untuk melumpuhkan imunitas masyarakat Melayu Islam Patani. Jelasnya, sehingga ke hari ini, dasar Siamisasi tidak dapat mengubah masyarakat Melayu Islam secara menyeluruh. Walaupun masyarakat minoriti ini terpaksa mengubahsuai diri mereka dengan mengikut perancangan kerajaan Siam-Thai tetapi hari ini, tidak sepenuhnya masyarakat Melayu di Selatan Thai berpakaian, berbahasa dan berfikiran seperti Siam-Thai malah mereka tetap utuh dengan anutan agama Islam.

## BIBLIOGRAFI

- Ahmad Fathy al-Fatani. 1994. *Pengantar Sejarah Patani*. Alor Setar: Pustaka Darussalam.
- Ahmad Omar Chapakia. 2000. *Politik Thai dan Masyarakat Islam di Selatan Thailand*. Alor Setar: Pustaka Darussalam Sdn. Bhd.
- Aphornsuvan, Thanet. 2004. *Origins of Malay Muslim “Separatism” in Southern Thailand*. Asia Research Institute Working Paper Series No. 32, Singapore: National University of Singapore.
- Azhar Ahmad & Jayum Jawan. 2012. Konflik Selatan Thailand Pasca Thaksin Shinawatra. *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy* 39(2): 73-95.
- Brown, David. 1994. *The State and Ethnic Politics in Southeast Asia*. London: Routledge.
- Chalk, Peter. 2008. *The Malay-Muslim Insurgency in Southern Thailand: Understanding the Conflict’s Evolving Dynamic*. RAND National Defence Research Institute.
- Chaloemtirana, Thak (ed.). 1978. Thai Politics: Extracts and Documents 1932-1957. Dlm. *The Social Science Associations of Thai*.
- Che Mohd Aziz Yaacob. 2009. Konflik Pemisah di Selatan Thailand: Isu, Aktor dan Penyelesaian. Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia.
- Che Mohd Aziz Yaacob. 2011. Isu dan Penyelesaian: Konflik Pemisah di Selatan Thailand. *JEBAT: Journal of History, Politics, & Strategic Studies* 38(1).

- Che Mohd Azizi Yaacob. 2009. Konflik Pemisah di Selatan Thailand: Isu dan Transformasi. Unit Penyelidikan dan Pendidikan untuk Perdamaian Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan. Universiti Sains Malaysia.
- Che Mohd Azizi Yaacob. 2012. Asimilasi Bangsa Melayu di Patani: Keberkesanan Dasar Survival Budaya Minoriti. *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politic & Strategic Studies* 39(1).
- Ensiklopedia Global Edisi Mileminium Jilid 2.* 2001. SmartGenie Corporation Sdn. Bhd.
- Farid Mat Zain. 1998. *Minoritas Muslim in Thailand*. Selangor: Lminda Bandar Baru Bangi.
- Ibrahim Syukri. 2002. *Sejarah Kerajaan Melayu Patani*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Imtiyaz Yusuf. 2009. Ethnoreligious and Political Dimensions of the Southern Thailand Conflict. Dlm. Amit Pandya & Ellen Laipson (pnyt.). *Islam and Politics: Renewal and Resistance in the Muslim World*. The Henry L. Stimson Center.
- Kersten, Carool. 2004. The Predicament of Thailand's Southern Muslims. *American Journal of Islam and Society*. 21(4).
- Mohd Zamperi A. Malek 1993. *Umat Islam Patani: Sejarah dan Politik*. Shah Alam: Hizbi.
- Mohd Zamperi A. Malek. 1994. *Patani Dalam Tamadun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mutsalim Khareng, Jaffary Awang et.al. 2013. *Wacana Kebebasan Beragama di kalangan Sarjana Selatan Thailand*. Prosiding Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam.
- Nik Anuar Nik Mahmud. 1999. *Sejarah Perjuangan Melayu Patani 1785-1954*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Azlah Sham Rambely. 2011. Konflik Masyarakat Minoriti Melayu Islam Selatan Thailand: Persoalan Identiti. Dlm. Azlizan Mat Enh (pnyt.). *Sejarah Diplomatik: Esei-Esei Penghargaan Kepada Prof. Dato' Dr. Nik Anuar Nik Mahmud*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nureeyah Saleh. 1999. *Lagu Dodoi Melayu Patani*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pitsawan, Surin. 1982. Islam and Malay Nationalism: A Case Study of the Malay-Muslim of Southern Thailand. Tesis Ph.D., Harvard Universiti.
- Suwannathat-Pian. 1991. Kobkua, *Sejarah Thai Zaman Bangkok*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Kadir Che Man. 1990. *Muslim Separatism: The Moros of Southern Philippines and the Malays of Southern Thailand*. Singapore: Oxford University Press.
- Wira Tahe. 2010. *Perjuangan Politik Haji Sulong di Patani Thailand (1947-1954)*. Tesis Sarjana. Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah.

Haslindawati Saari, (Ph.D)  
 Jabatan Sejarah  
 Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Abdul Halim  
 08000 Sungai Petani, Kedah  
 Email: haslindawati@ipsah.edu.my

Received: 20<sup>th</sup> May 2023  
 Accepted: 7<sup>th</sup> August 2023  
 Published: 31<sup>st</sup> December 2023